



05 SEP, 2020

Penduduk mahu PST dibuka setiap hari

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 1



PENDUDUK membeli pelbagai barangan basah dan kering di PST Zon Kenanga, Ambangan Heights, Amanjaya, Sungai Petani semalam.

Penduduk mahu PST dibuka setiap hari

Oleh OTHMAN YAHAYA

SUNGAI PETANI – Kerajaan negeri akan mengadakan perbincangan lanjut dengan beberapa agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menjadikan Pasar Segar Terkawal (PST) di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran sebagai pasar khas harian.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Industri Makanan, Perusahaan Perladangan, Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat India Negeri Kedah, Azman Nasrudin berkata, ini bagi mengelak penduduk di dalam kawasan sekatan menghadapi kesukaran mendapatkan barangan bekalan harian.

"Pembukaan PST kali pertama di Zon Mawar Selasa lalu dan hari ini (semalam) di Zon Kenanga

telah membolehkan penduduk mendapat bekalan segar harian dengan harga rendah menyebabkan mereka meminta supaya PST diadakan lebih kerap.

"Tambahkan lagi kewujudan PST di setiap zon membuatkan penduduk berasa selamat kerana tidak lagi perlu bersesak di premis perniagaan yang terdapat di dalam kawasan sekatan seperti sebelum ini," katanya.

Azman berkata demikian semasa hadir meninjau pembukaan PST di Zon Kenanga di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Lembaga Pertanian Pemasaran Persekutuan (FAMA) Negeri Kedah, Isa Hamzah.

Menurut Azman, pembukaan PST secara harian ini bagaimanapun perlu diperhalusi dari segi penyediaan stok bekalan yang mencukupi dan tidak hanya

bergantung pada peniaga yang berdaftar dengan FAMA semata-mata.

"Kita perlu menyediakan barangan basah seperti ikan, ayam, daging dan sayur-sayuran dalam kuantiti yang banyak bagi mengelak PST harian nanti kekurangan bekalan," katanya.

Seorang penduduk, Sobri Rejab, 45, dari Kenanga 7 berkata, PST yang dibuka ini memudahkan penduduk yang dikenakan PKPD.

"Lega rasanya kerana tidak perlu keluar dari kawasan taman ini untuk mendapatkan barangan keperluan. Kami tidak perlu bersesak-sesak lagi," katanya.

Bagi Mohd. Nazri Marzuki, 39, dari Kenanga 7 berkata, PST ini memudahkan mereka memperoleh barangan segar dengan harga murah berbanding menggunakan perkhidmatan penghantaran sebelum ini.